



BAHASA MELAMBANGKAN BANGSA?

DR MOHAMED PITCHAY GANI MOHAMED ABDUL AZIZ

BAHASA MELAMBANGKAN BANGSA?

DR. MOHAMED PITCHAY GANI BIN MOHAMED ABDUL AZIZ

merupakan seorang pendidik, pengkaji, dan penulis. Beliau kerap menghasilkan kajian dalam bidang bahasa dan persuratan Singapura khususnya dan Nusantara umumnya yang menyingkap hubungan geolinguistik. Teras kajiannya menyingkap persoalan bangsa, bahasa, persuratan dan pendidikan. Dr. Pitchay meraih anugerah Doktor Falsafah (Linguistik) pada tahun 2014 dari Universiti Malaya bagi tesisnya yang mengkaji keberdayaan bahasa dan bangsa Melayu di Singapura dengan menerapkan teori keberdayaan etnolinguistik. Antara buku terbitannya ialah '2000 tahun evolusi bahasa Melayu' (2008), 'Legasi bahasa' (2012), dan 'Falsafah pengkaryaan Melayu Singapura' (2020). Kajian terkininya merupakan kajian bandingan keberdayaan bahasa di Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, dan Singapura dalam konteks bahasa dan ideologi negara yang disampaikan di Siri Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu pada Jun 2022 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. Terkini, beliau baru sahaja melengkapkan pengajian Sarjana Penilaian dalam Pendidikan di University College London, UK.



ABSTRAK

Peranan bahasa Melayu dalam konteks negara dwibahasa semakin mencabar dengan lahirnya konflik identiti dalam diri penuturnya. Ada yang menganggap bahawa bahasa tidak semestinya melambangkan bangsa kerana individu Melayu dewasa ini mampu bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris secara berkesan. Ada pula yang percaya bahawa mereka lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris sehingga canggung menggunakan bahasa Melayu. Malah, ada yang mengaku bahawa mereka tidak lagi mempraktikkan budaya Melayu secara total kesan daripada perubahan sosial yang membawa kepada pengadaptasian perlakuan dan pertuturan budaya induk yang semakin melarutkan inti pati budaya dan perlakuan Melayu. Andaian seumpama ini mencabar falsafah bahasa yang mengaitkan kekuatan bahasa sebagai simbol identiti etnik. Gambaran seumpama ini membawa makalah ini untuk mengupas situasi terkini literasi bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu Singapura dan cuba menjelaskan situasi literasi bahasa dan sikap kebudayaan yang semakin menampakkan trend yang menurun. Perbincangan mengenai dengan konsep bahasa, bangsa, dan etnisiti akhirnya membawa kepada penghayatan mengenai dengan kewujudan bahasa dari segi pragmatik dan abstrak yang dapat menjelaskan fenomena simbolisme etnik sebagai hipotesis bagi menjelaskan trend penggunaan bahasa Melayu serta sikap masyarakat Melayu terhadap bahasa dan budayanya pada masa kini.

PENGENALAN

Bahasa merupakan satu konsep yang sangat dinamik kerana ia boleh wujud dalam sebarang bentuk yang diinginkan oleh penuturnya asal sahaja ia diterima oleh konvensi yakni khalayak kelompoknya yang akan menggunakannya dalam komunikasi kelompok tersebut. Ini bermakna bahasa yang dihasilkan sangat berkait rapat dengan alam ia dihasilkan yang dilumuri dengan pemikiran, nilai, budaya, dan kepercayaan yang dianuti penuturnya. Dalam konteks ini bahasa itu pasti melambangkan bangsanya. Ini mungkin benar dalam situasi penutur eka bahasa yang tidak terdedah kepada bahasa lain. Namun demikian, dalam konteks penutur dwi bahasa atau multi bahasa keadaannya tentu berbeza. Konsep bahasa melambangkan bangsa akan lebih kabur lebih-lebih lagi apabila penutur tersebut semakin cekap dalam lebih dari satu bahasa dan mula menggunakan bahasa selain bahasa asalnya dengan lebih kerap sehingga ia menjadi sebahagian daripada identitinya. Keadaan menjadi semakin meruncing apabila pegangan kepada potensi bahasanya semakin rapuh akibat daripada perkembangan semasa yang mula mempersoalkan kemampuan bahasa dan bangsanya ataupun individu yang berkenaan mula mesra dengan bahasa asing yang semakin menonjol dalam interaksi keluarga, tempat pekerjaan, kegiatan beragama, dan kegiatan sosialisasi. Maka mampukah sesuatu bahasa itu kekal melambangkan bangsa penuturnya yakni memerikan pemikiran sebenar penutur tersebut?

Persoalan ini timbul kerana banyak kajian yang dijalankan membawa kepada rumusan mengenai dengan keberkaitan bahasa dan bangsa. Mangantar Simanjuntak (1996, hal. 291), misalnya, dalam membincangkan kepentingan bahasa Melayu mengatakan bahawa “bahasa Melayulah urat nadi masa depan kita, urat nadi keberadaan kita, urat nadi kehormatan kita, urat nadi keperibadian kita, urat nadi jiwa bangsa kita, sehingga jika BM [bahasa Melayu] pupus total atau setengah pupus atau lesu, kita [bangsa Melayu] pun akan demikian”.

Davis (1914) pula mengatakan bahawa “a people without a language of its own is only half a people”. Demikian Davis kaitkan bahasa dengan kewujudan individu apabila beliau meratapi kematian bahasa Irish bak peribahasa “hilang bahasa, lenyaplah bangsa”. Malah, Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa” untuk menekankan kepentingan bahasa Melayu dalam setiap individu, masyarakat, dan negara agar peranan bahasa diselaraskan dengan pembangunan negara-bangsa. Peranan ini semakin penting dengan tercapainya kemerdekaan Malaya dan penubuhan Malaysia sebagai sebuah kerajaan Melayu. Apa yang lebih menarik ialah frasa 'bahasa jiwa bangsa' ini sebenarnya diusulkan oleh Muhammad Ariff Ahmad (2003) dan diterima sebagai cogan kata bagi gerakan selanjutnya di mesyuarat Kongres Bahasa dan Persuratan Ke 3 pada tahun 1956. Ia terus kekal sehingga hari ini sebagai pembakar semangat perjuangan bahasa.

BAHASA JIWA BANGSA

Istilah bangsa pernah pada suatu ketika dianggap keramat dan suci kerana ia membezakan manusia bukan hanya pada tahap warna kulit dan asal-usul seseorang tetapi juga terhadap tatatingkat kedudukan seseorang itu di dalam sistem masyarakat sehingga lahirnya sistem kasta yang melabelkan seseorang itu dari kedudukan yang paling rendah sehingga yang paling mulia di dalam ekosistem sosiologi manusia dan ketuhanan. Konsep bangsa pula tidak berdiri sendirian tetapi diapit oleh bahasa dan budaya yang mana bahasa merupakan unsur terpenting dalam menghidupkan erti budaya dalam sesuatu bangsa. Ini terbukti dengan lahirnya ungkapan atau slogan seperti “bahasa jiwa bangsa”. Ungkapan seumpama ini menjadi falsafah sesuatu bangsa kerana ia merupakan dukungan pegangan akan keterikatan bangsa itu kepada bahasanya kerana bahasa tersebut menjadi nadi kepada setiap perlakuan dan kepercayaan bangsa itu. Kemurnian peranan bahasa ini menyebabkan Pendeta Za'ba (dikutip dalam Asmah Haji Omar, 2012, hal. 3) merumuskan bahawa bahasa mempunyai jiwa dan melambangkan budaya bangsanya, dan roh Melayu jati adalah dalam bahasa Melayu jati. Pendeta Muhd Ariff Ahmad (dipetik dalam Mohamed Pitchay Gani, 2012, hal. 151-152) juga menjelaskan kepentingan hubungan bahasa dan

pemikiran masyarakatnya yang dikonsepsikan sebagai zat dan jisim. Menurut Muhd Ariff, penting bagi setiap bahasa itu digunakan atau dikonsepsikan berdasarkan masyarakat asalnya kerana sebarang perubahan akan menjejaskan yang dibawa oleh bahasa tersebut. Dalam lain erti kata, setiap bangsa mempunyai pemikirannya mengenai sesuatu perkara dan perlakuan yang perlu difahami dan dihormati agar tidak melanggar norma bangsa tersebut. Dapat disimpulkan di sini bahawa bahasa memang melambangkan bangsa malah lebih dari itu ia adalah roh dan nadi kepada bangsa ia dilahirkan.

BAHASA PEMERSATU BANGSA

Konsep yang dibincangkan di atas sangat jelas pada zaman pasca kolonial apabila pihak penjajah melepaskan Malaya dan Indonesia kepada pentadbiran peribumi masing-masing. Zaman kemerdekaan ini menyaksikan kekuatan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pemersatu rakyat Malaya dan juga rakyat Indonesia yang turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional setelah ia dinamakan bahasa Indonesia pada 28 Oktober 1928 dengan terlaksananya “Sumpah Pemuda” yang bertujuan menyatukan ratusan bahasa daerah Indonesia dengan satu bahasa utama (Harimurti Kridalaksana, 1976, hal. 37). Di Malaya pula kelahiran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1956 menyaksikan pemeraksanaan konsep “bahasa jiwa bangsa” di dalam kerajaan Malaysia khususnya setelah tercapainya kemerdekaan dan terciptanya Malaysia. DBP sebagai badan perancangan bahasa Melayu merupakan suatu pengukuhan terhadap usaha pemantapan agenda membangunkan bahasa Melayu agar dapat menjadi bahasa kebangsaan yang kukuh, bahasa rasmi yang berwibawa, dan bahasa ilmu yang berkembang melalui perancangan korpus yang sistematik. Malah, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia termaktub di dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Malaysia (Awang Sariyan, 2014). Brunei pula memperkenalkan falsafah negara iaitu “Melayu-Islam-Beraja” atau MIB pada 1 Januari 1984 sebagai landasan kepada pembangunan pemikiran dan budaya rakyat yang bersendikan bangsa dan bahasa Melayu yang disulami dengan agama Islam. Brunei juga

memilih bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kerana ia telah digunakan oleh Sultan Brunei sejak abad ke 16 lagi (Haji Awang Asbol, 2014) walaupun terdapat dialek Melayu Brunei yang mewakili dua pertiga penutur di Brunei. Singapura setelah perpisahan dengan Malaysia juga memberikan kedudukan yang jelas terhadap peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara dan bahasa ibunda yang berperanan sebagai bahasa penatar kebudayaan dan warisan bangsa Melayu di Singapura. Ia bertujuan memupuk nilai-nilai Asia di dalam rakyat Singapura agar dapat mengurangkan impak kehadiran bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam negara terhadap adat dan budaya timur masyarakat tempatan (Goh dan Gopinathan, 2008). Ini membantu mengukuhkan lagi kedudukan bahasa Melayu di Singapura memandangkan masyarakat Melayu sangat intim dengan adat dan tradisinya. Keadaan ini dikukuhkan lagi dengan kedudukan Singapura di Nusantara yang menyediakan rangkaian geolinguistik yang luas sebagai pendukung pembangunan roh bahasa dan bangsa Melayu di Singapura.

BAHASA DAN ETNISITI

Perbincangan mengenai dengan dasar bahasa negara-negara utama bahasa Melayu di Nusantara (Asmah Haji Omar, 2008) membuktikan keberkaitan bahasa dan bangsa. Ia menunjukkan bahawa bahasa adalah semangat yang menghidupkan jentera bangsa khususnya pada zaman selepas penjajahan. Pada zaman tersebut perlu dihidupkan semangat kebangsaan atau nasionalisme demi menyatukan masyarakat atau bangsa dalam mengharungi era pasca kolonial. Semangat yang dipupuk ini lahir kerana adanya rasa kekitaan yang dibentuk oleh etnisiti. Ia merujuk kepada penyatuan individu-individu dalam sebuah kelompok yang mempunyai kepercayaan dan perlakuan yang berteraskan budaya dan tradisi yang diperturunkan. Unsur ini memberikan kelompok itu identiti etniknya yang menimbulkan rasa kekitaan kepada kelompok tersebut melalui penggunaan bahasa dan simbol kebudayaan atau penanda etnik yang unik dalam bentuk

pakaian, makanan, perayaan, kepercayaan, pusaka, adat dan budaya.

Hubungan antara bahasa dan etnisiti amat rapat sekali dan saling melengkapi. Hubungan ini sangat penting sehinggakan Fishman (1989) meletakkan bahasa sebagai nilai utama dalam etnisiti melebihi peranannya sebagai simbol etnik. Bagi beliau, bahasa adalah darah daging etnisiti kerana tanpanya seseorang itu diumpamakan seperti sedang menghadapi maut (Fishman, 1977, hal. 19) memandangkan bahasa merupakan ciri penting dalam perlakuan sosial manusia. Bahasa merupakan cara yang terbaik memelihara dan mengembalikan ketulenan warisan etnik daripada nenek moyang sesuatu kaum. Bahasa Jerman merupakan satu contoh yang konkrit mengenai dengan sulaman bahasa dan etnisiti. Frasa "Volk" dalam bahasa Jerman, misalnya, menaungi konsep masyarakat, negara, atau bangsa (Fishman, 1972). Ia bukan hanya suatu frasa tetapi sebuah kewujudan lengkap yang melambangkan jiwa bangsanya atau lebih tepat lagi "Volk" adalah Jerman. Ahli filosof Jerman, Johann Gottlieb Fichte dalam salah satu daripada ucapannya yang dibuat pada tahun 1808 pernah memberikan gambaran yang menarik mengenai dengan sulaman bahasa dan etnisiti seperti berikut:

"... the meanings of a language's conceptual vocabulary are all ultimately embedded in concrete experience. Since different linguistic communities have different ways of understanding and describing the sensible world, indeed since the horizons of that lived world are different for each people, one language's metaphor, let alone its entire symbolic system, will not always be comprehensible to speakers of another. Language is hence rooted in its native culture (to use the organic imagery that Fichte himself favours); it cannot be transplanted into foreign soil." (Terjemahan yang dipetik daripada Moore, 2009, hal. xxv)

Fichte menganggap bahasa mempunyai rohnyanya tersendiri berteraskan budaya bangsanya yang tidak boleh ditanam semula di tanah asing kerana setiap bahasa mempunyai sistem simbolnya tersendiri yang tidak semestinya mampu difahami

oleh penutur daripada bangsa lain. Dalam lain erti kata bahasa peribumi yang ditanam di dalam tanah asing akan lemas dan tidak akan tumbuh subur dan mekar seperti yang diharapkan. Metafora ini sangat bermakna sekali dalam kita menaakul kepentingan memelihara budaya kita agar tidak luput dimakan kemodenan kerana budaya yang luput itu akan turut menyurutkan bahasanya sehingga ia terus hilang ditelan kedinamikan budaya yang terus berubah. Penggunaan bahasa asing dalam kegiatan budaya Melayu, misalnya, adalah satu contoh bagaimana keadaan ini boleh berlaku. Fichte mengingatkan bahawa setiap komuniti mempunyai cara dan fahaman tersendiri mengenai dengan cara menerangkan alam ini berdasarkan pemikiran masing-masing. Maka, menggunakan bahasa asing untuk merealisasikan kegiatan budaya Melayu akan membawa kepada pencemaran budaya kerana ia tidak akan mampu memberikan pengalaman sebenar bahasa tersebut seperti yang dirasakan oleh penutur bahasa jatinya. Malah, ia boleh kelihatan seperti merendahkan nilai bahasa Melayu yang dianggap seolah-olah kurang penting daripada bahasa asing yang digunakan. Ini sekali gus membawa kepada hegemoni budaya melalui kemasukan bahasa asing ke dalam budaya Melayu yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya dengan alasan untuk memudahkan penyampaian maklumat sedangkan kemungkinan besar mereka yang terlibat sebenarnya kurang fasih dalam bahasa ibunda sendiri.

Kefasihan dalam bahasa dan budaya Melayu sebenarnya teramat penting kerana kelemahan ini akan membawa kepada kehilangan kepercayaan terhadap diri dan bangsa itu kerana hilangnya kemampuan untuk memahami pemikiran bangsanya. Akibat daripada mementingkan bahasa lain akan membawa kepada peminggiran bahasa sendiri seperti yang pernah berlaku di Jerman pada suatu masa dahulu apabila bahasa Perancis dan Latin dijadikan bahasa pengantar negara dan pendidikan. Kesannya bahasa Jerman dibiarkan dan disalahkan kerana terkebelakang sedangkan bangsa itu sendiri yang gagal membangunkan bahasanya (Coulmas, 1988). Dalam lain erti kata, setiap bahasa yang menjadi

tumpuan dalam kehidupan ini harus diberikan perhatian yang sama kerana setiap bahasa itu ada peranannya. Jika bahasa Melayu dibiarkan oleh penuturnya walaupun telah tersedia prasarana yang lengkap untuk membantu penggunaan dan pembangunannya, maka bahasa itu tidak akan membangun dalam diri penuturnya. Jika ini berlaku, bahasa itu tidak seharusnya dipersalahkan dengan pelabelan “bahasa miskin” kerana tidak mampu menerangkan situasi semasa atau tidak relevan kerana “tiada nilai ekonomi”. Walhal bahasa itu sebenarnya dipinggirkan tanpa kesedaran dan usaha untuk membangunkan potensinya bukan kerana nilai dan upaya bahasa itu.

Sanggahan seumpama ini pernah disentuh oleh Abdullah Munsyi dalam kitabnya Hikayat Abdullah (1849). Beliau mengatakan bahawa masyarakat Melayu ketika itu “tiada mahu belajar bahasanya sendiri, dan tiada mahu menaruh tempat belajar bahasanya itu... bukankah segala bangsa-bangsa yang lain dalam dunia ini masing-masing ada belajar bahasanya, melainkan orang Melayu?” (dipetik daripada Azhar Ibrahim, 2022).

BAHASA DAN PEMBANGUNAN BANGSA

Dalam membincangkan ketokohan Abdullah Munsyi, Azhar Ibrahim (2022) menjelaskan kepentingan mempelajari ilmu bahasa Melayu demi kepentingan kemajuan bangsa kerana sejak dahulu lagi bangsa Eropah lebih maju disebabkan mereka telah terlebih dahulu membangunkan bahasa mereka sehingga membantu mereka menguasai ilmu-ilmu lain yang membentuk kebijaksanaan mereka. Ini merupakan satu pengamatan yang sangat penting kerana ia mengemukakan kepentingan membangunkan bahasa sendiri jika kita ingin maju. Ini bermakna kita tidak harus mengambil jalan mudah dengan mengurangkan penggunaan bahasa sendiri dalam semua konteks sama ada dalam komunikasi di rumah, majlis atau acara bahasa mahupun kebudayaan, pengajaran dan pembelajaran, dan pertubuhan, institusi mahupun gerakan. Kenyataan ini juga mengajukan

kepentingan kepimpinan bahasa yang berwibawa agar dapat memajukan bahasa demi penakatan budaya bangsa.

Kepentingan meningkatkan taraf bahasa Melayu demi peningkatan taraf bangsa Melayu pernah juga disentuh oleh O.T. Dussek, seorang pendidik British yang merupakan Pengetua pertama Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada tahun 1922. Dalam ucapannya kepada para guru pelatih di MPSI, beliau menekankan kepentingan dan potensi bahasa Melayu serta menegaskan keutamaan meningkatkan taraf bahasa demi peningkatan taraf bangsa Melayu. Menurut beliau:

“Your language is, I believe, spoken by some 70 millions of people. It forms one of the largest language groups in the world. Do not forget that fact. Cultivate your language; strive to raise it to the position it deserves amongst world languages. If the prestige of your language raises, so in equal measure rises the prestige of your race.” (dipetik daripada Awang Had Salleh, 1979, hal. 135).

Malah dalam ucapannya semasa perjumpaan agung guru-guru Melayu di dalam Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1935, beliau mengakhiri ucapan tersebut dengan mengulangi frasa “Bangkitlah Melayu!!!” (Editorial, 1935, hal. 7) sebagai pemula kepada setiap ayat yang mengajak bangsa Melayu melahirkan budaya kerjasama yang jujur, murni, penuh ikhsan, dan ikhlas dalam membangunkan bangsa dalam setiap aspek sosioekonomi kewujudan masyarakat Melayu.

Peranan, ketokohan dan sumbangan individu seperti O.T. Dussek membuktikan kepentingan kepimpinan bahasa yang berwibawa. Pada zaman ini ia menjadi semakin penting kerana ciri budaya yang sentiasa dinamik yakni kerap berubah mengikut perkembangan zaman dan pengaruh trend semasa. Mahmud Ahmad (1958) mengingatkan tentang kepentingan mengukuhkan kedudukan kebudayaan Melayu sebagai kebudayaan yang bernilai walaupun perlu melalui

proses perubahan. Beliau menjelaskan bahawa perubahan tidak semestinya melemahkan budaya bangsa sebaliknya ia seharusnya memperteguhkan lagi kebudayaan bangsa sekali gus meningkatkan nilainya. Konsep yang cuba ditekankan oleh Mahmud ialah pentingnya menyaring pengaruh yang masuk ke dalam budaya kita agar kita mengambil hanya yang terbaik dalam memperkukuhkan lagi budaya kita. Ini bermakna kita harus prihatin terhadap trend dan pengaruh yang boleh merosakkan atau merendahkan martabat budaya kita. Dalam memastikan kita mampu memilih yang terbaik, penting kita mempunyai pimpinan bahasa dan kebudayaan yang berilmu, beriltizam dan sentiasa terangsang ke arah kemakmuran bahasa-budaya bangsa dan negara. Selaras dengan gagasan Azhar Ibrahim (2022), ia bermakna membangunkan ilmu bahasa kita agar kita dapat membentuk pemikiran konstruktif lagi progresif dalam mendepani pembangunan bangsa.

Dalam hal ini penting kita memahami situasi terkini masyarakat Melayu di Singapura dalam konteks bahasa dan kebudayaannya. Ini dapat dilakukan dengan merujuk kepada dokumen-dokumen yang bersifat penyelidikan oleh institusi pemerintah mahupun bukan pemerintah, laporan akhbar, jurnal dan pengamatan terhadap trend semasa dalam konteks bahasa dan kebudayaan bangsa agar satu gambaran jelas dapat dilukiskan mengenai dengan hubungan antara bahasa dan bangsa Melayu di Singapura dalam menjawab persoalan sama ada bahasa masih melambangkan bangsa.

LITERASI BAHASA MASYARAKAT MELAYU SINGAPURA

Masyarakat Melayu Singapura mempunyai kemampuan bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris kesan daripada sistem dwi bahasa di Singapura yang mengutamakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan dan pentadbiran sementara bahasa Melayu atau bahasa ibunda sebagai penatar budaya. Sistem ini berjaya melahirkan individu Melayu yang mampu


menggunakan bahasa mengikut konteks penggunaannya apabila timbul keperluan. Kajian Mohamed Pitchay Gani (2019) mendapati penutur Melayu mempunyai kemampuan bertutur dalam bahasa Inggeris Singapura standard (IIS), bahasa Inggeris rendah atau *Singlish*, bahasa Melayu Singapura standard atau Baku (MSS), dan empat jenis bahasa Melayu rendah atau kolokial (M1 hingga M4) yang digunakan mengikut konteks.

Bahasa Melayu jenis M1 ialah bahasa kolokial campuran Melayu dan Inggeris yang mana penggunaan bahasa Inggeris didapati paling ketara; bahasa Melayu jenis M2 dikenal pasti sebagai bahasa kolokial yang mempunyai rata-rata elemen bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang digunakan hanya dalam bentuk laras tertentu seperti subjek di sekolah; bahasa Melayu jenis M3 pula memaparkan penggunaan bahasa kolokial yang sepenuhnya Melayu kecuali beberapa jargon atau slanga; dan akhir sekali bahasa Melayu jenis M4 diklasifikasikan sebagai bahasa kolokial yang sepenuhnya berbahasa Melayu tetapi banyak menggunakan jargon, slanga, sindiran tajam, dan bahasa kesat. Ia lazimnya diasosiasikan dengan bahasa kelas sosial bawahan atau bahasa kasar dalam kalangan delinkuen.

Rajah 1.0 memberikan gambaran keseluruhan rangka kerja sociolinguistik penutur Melayu Singapura seperti yang dijelaskan. Skala perpaduan-sosial di bawah memberikan ukuran sejauh mana satu-satu jenis bahasa digunakan mengikut rasa keselesaan atau keintiman penutur dengan orang yang diajak bertutur. Dalam rajah 1.0 didapati bahawa bahasa yang diklasifikasikan sebagai rendah atau tidak rasmi lebih memaparkan penggunaan yang intim atau mesra dalam kalangan penuturnya berbanding dengan bahasa tinggi yang biasanya digunakan dalam situasi rasmi seperti di majlis, sekolah, media massa dan seumpamanya.

Rajah 1.0


Situasi Penggunaan Bahasa Melayu Singapura dan Kedudukan Bahasa berdasarkan Skala Keintiman Perpaduan-Sosial



Nota. Dihasilkan semula daripada Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz. (2019). Peranan bahasa Melayu kolokial dalam mengimbangi kesan bilingualisme di Singapura. *Jurnal Bahasa*, 19(1), hal.8

Kehadiran bahasa Melayu tinggi dan rendah khususnya bahasa Melayu kolokial yang rencam (M1 – M4) dalam kalangan penutur Melayu Singapura memberikan gambaran yang positif terhadap keberdayaan atau *vitality* bahasa Melayu di Singapura buat masa ini. Namun demikian trend ke arah kedwibahasaan yang semakin meningkat di Singapura menimbulkan keprihatinan. Laporan statistik daripada banci penduduk 2020 (Department of Statistics, Ministry of Trade & Industry, 2021) menunjukkan peningkatan terhadap kadar kedwibahasaan dalam kalangan penutur Melayu daripada 79.4% pada tahun 2010 kepada 82.8% pada tahun 2020. Peningkatan ini berlaku secara konsisten dalam semua peringkat usia termasuk golongan usia datuk dan nenek yang dianggap sebagai *gate-keeper* atau pengawal keberdayaan bahasa Melayu. Keadaan yang lebih merisaukan ialah jumlah penutur yang kerap bertutur dalam bahasa Inggeris di rumah melonjak dengan begitu ketara sekali dalam jangka waktu sepuluh tahun terutama sekali mereka dalam lingkungan usia 45 tahun ke atas menunjukkan lonjakan 300% seperti yang digambarkan dalam rajah 2.0.

Rajah 2.0 Peratusan penutur Melayu berusia 5 tahun ke atas yang kerap menggunakan bahasa Inggeris di rumah.




Nota. Disesuaikan daripada Department of Statistics, Ministry of Trade & Industry. (2021). *Census of Population 2020 Statistical Release 1: Demographic Characteristics, Education, Language and Religion*, hal. 29.

Golongan usia tersebut merupakan golongan *gate-keeper* kepada bahasa Melayu khususnya datuk dan nenek yang diharapkan dapat meneruskan penggunaan bahasa Melayu kepada generasi muda seperti mana yang menjadi lumrah dalam sebuah keluarga. Sekiranya, golongan datuk dan nenek lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris di rumah bermakna potensi ia digunakan untuk berbicara dengan generasi muda seperti cucu mereka adalah tinggi memandangkan cucu mereka pastinya lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris berdasarkan profil generasi muda hari ini.

Keadaan menjadi semakin genting kerana jumlah mereka yang kerap menggunakan bahasa Inggeris juga berlipat kali ganda merentasi semua tahap kelayakan bermula dari peringkat sekolah rendah ke universiti seperti digambarkan di rajah 3.0. Peningkatan ini sangat ketara bagi mereka yang mempunyai kelayakan peringkat sekolah menengah ke bawah. Ia juga menunjukkan lonjakan sebanyak 300%. Sebelum ini golongan yang berpendidikan rendah sering digolongkan sebagai yang paling kerap menggunakan bahasa Melayu (Mohamed Pitchay Gani, 2014). Namun demikian trend tersebut nampaknya semakin berubah. Ini merupakan kesan daripada peningkatan dalam kemampuan dwi bahasa dalam kalangan penutur bahasa Melayu yang mana kecenderungan menggunakan bahasa Inggeris lebih ketara.

Rajah 3.0 Peratusan penutur Melayu berusia 5 tahun ke atas yang kerap menggunakan bahasa Inggeris di rumah berdasarkan kelayakan tertinggi yang diperolehi



Nota. Disesuaikan daripada Department of Statistics, Ministry of Trade & Industry. (2021). *Census of Population 2020 Statistical Release 1: Demographic Characteristics, Education, Language and Religion*, hal. 30.

Selain itu perkahwinan antara etnik iaitu pasangan Melayu dan bukan Melayu terus merakamkan trend yang konsisten iaitu 22.4% sejak tahun 2019 yakni 1396 daripada 6228 pasangan Islam yang mendirikan rumahtangga. Pasangan seumpama ini lazimnya akan menggunakan bahasa Inggeris di rumah memandangkan kedua-duanya memerlukan satu bahasa yang umum untuk berbicara iaitu bahasa Inggeris. Maka, anak-anak mereka juga akan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya di rumah kecuali di sekolah sekiranya mereka belajar bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Potensi kahwin campur dalam masyarakat Melayu adalah menggalakkan kerana kajian Institute Policy Studies (IPS) (rujuk Mattews dan lain-lain, 2017) menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terbuka kepada anak-anak atau cucu mereka mempunyai pasangan dari bangsa yang berlainan. Kajian tersebut juga mendapati bahawa pasangan yang berkahwin campur akan menurunkan tradisi daripada kedua-dua pasangan etnik kepada anak-anak mereka. Ini tentunya akan dilakukan dalam bahasa Inggeris kerana ia merupakan satu bahasa yang boleh difahami oleh kedua-dua pasangan tersebut.

Umumnya, banci penduduk Singapura 2021 yang membandingkan tahap kedwibahasaan penutur Melayu Singapura mendapati bahawa kekerapan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat Melayu meningkat daripada 17% kepada 39% dalam jangka masa sepuluh tahun. Ia juga menyaksikan penurunan penggunaan bahasa Melayu dari 82.7% kepada 60.7% bagi jangka waktu yang sama. Ia membuktikan pengamatan Edwards (1985, hal. 72) bahawa *"the rule of the day here is again pragmatic: people do not maintain two languages for ever, when one is sufficient in all contexts"*. Edwards (1985) merumuskan bahawa bahasa yang diutamakan akan mengambil tempat bahasa yang kurang diutamakan sehingga akhirnya bahasa utama itu menjadi bahasa harian dalam semua konteks kehidupan.

Jika trend ini berterusan ia bermakna bahawa dalam jangka masa 5 dekad lagi, bahasa Melayu kemungkinan besar tidak lagi menjadi bahasa yang kerap digunakan di rumah kecuali di sekolah sahaja. Jika ini berlaku, ia juga akan menjejaskan penggunaan bahasa Melayu di media massa dan acara rasmi kerana lebih ramai penutur Melayu yang lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris. Ini pastinya akan membawa banyak implikasi sosioekonomi kepada masyarakat Melayu di Singapura. Ini akan menuntut penilaian semula terhadap konsep "bahasa melambangkan bangsa" kerana bahasa yang dituturkan bukan lagi bahasa asal penuturnya.

Umumnya, trend prestasi bahasa Melayu di sekolah tidak akan begitu terjejas kerana terdapat pemantauan terhadap standard bahasa Melayu dari masa ke semasa dan adanya usaha terhadap pengekalan mutu bahasa Melayu rasmi atau standard. Ini dapat dibuktikan daripada prestasi bahasa Melayu yang agak konsisten sejak tahun 1997 hingga 2020 yang mana prestasi pelajar mendapat antara gred A* dan C adalah dalam lingkungan 95% ke atas (Data.gov.sg).

Satu pengamatan yang menarik ialah trend penggunaan bahasa Inggeris yang lebih kerap di rumah dalam kalangan masyarakat Melayu dan pembelajaran dan penggunaan bahasa Melayu di sekolah yang konsisten akhirnya melahirkan kumpulan penutur yang hanya dapat bertutur dalam bahasa Melayu baku kerana kurang atau tidak terdedah kepada bahasa Melayu kolokial. Ini dapat dilihat dalam beberapa pengamatan terhadap para pelajar yang hanya mampu menggunakan bahasa Melayu baku apabila berbicara dalam semua domain. Akibatnya mereka hilang nuansa bahasa Melayu yang rencam. Namun demikian, mereka tidak kehilangan bahasa Melayu kerana “diselamatkan” oleh bahasa Melayu baku yang diajarkan di sekolah secara konsisten. Ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan pengajaran bahasa Melayu yang menggunakan sebutan baku khususnya di peringkat sekolah rendah kerana ia membantu memudahkan para pelajar dalam golongan sedemikian untuk terus menggunakan bahasa Melayu untuk memudahkan komunikasi dan pembangunan budaya Melayu dalam diri mereka. Proses pemupukan bahasa Melayu standard dari peringkat awal dapat membantu melenturkan kecekapan bahasa mereka.

SIKAP MASYARAKAT MELAYU TERHADAP BAHASA DAN BANGSA

Literasi bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu perlu juga ditinjau daripada sikap penutur itu sendiri. Ini dapat dilakukan dengan menilai persepsi atau psikologi para penutur bahasa Melayu terhadap beberapa faktor sosiolinguistik. Satu tinjauan yang melibatkan 2,020 responden pernah dilakukan oleh IPS (rujuk Mattews dan lain-lain, 2017) untuk mengkaji penanda identiti utama bagi setiap kumpulan etnik di Singapura. Tinjauan tersebut mendapati bahawa daripada 438 responden Melayu, majoriti (71.9%) menganggap penting bagi seseorang yang mengaku dirinya Melayu boleh membaca, menulis, dan berbicara dalam bahasa Melayu. Peratusan ini juga agak konsisten dengan jumlah 68.4% yang mengatakan bahawa mereka sering melakukan kegiatan tersebut dalam bahasa Melayu. Ini melambangkan kecekapan bahasa yang bersifat pragmatik khususnya

agar mereka mampu berkomunikasi dalam bahasa tersebut sama ada untuk keperluan pendidikan, pekerjaan ataupun sosialisasi.

Namun demikian, dari segi penghayatan keunikan, keindahan mahupun nilai bangsa Melayu itu sendiri, peratusannya sangat rendah. Dari segi penghayatan kesenian Melayu, misalnya, hanya 22.5% sahaja yang menganggap ianya merupakan satu kegiatan yang penting manakala 72.7% jarang mengambil bahagian atau melibatkan diri dalam kegiatan kesenian. Para responden Melayu juga kurang mempunyai rasa bangga diri sebagai orang Melayu kerana hanya separuh atau 49.9% yang mempunyai perasaan sedemikian. Malah, hanya 22.5% sahaja yang menganggap penting untuk mempunyai perawakan Melayu atau kelihatan seperti orang Melayu. Kurangnya rasa bangga terhadap bangsa Melayu juga menyebabkan 62% responden jarang berusaha untuk mencari atau ingin tahu tentang susur galur bangsa atau kaumnya.

Sikap responden terhadap kepentingan bahasa dan kebudayaan Melayu memaparkan unjuran yang kurang memuaskan bagi prospek masa depan bangsa Melayu itu sendiri kerana dapatan IPS mengenai dengan transmisi budaya kepada generasi selanjutnya kurang meyakinkan. Tinjauan tersebut mendapati bahawa hanya segolongan minoriti responden Melayu sahaja yang merasakan ia penting untuk mewariskan aspek kesenian dan muzik Melayu manakala hampir separuh sahaja yang menganggap penting untuk mewariskan budaya pemakanan, perkahwinan, pesta budaya, dan rasa kebanggaan bangsa. Ini menunjukkan bahawa ramai yang menganggap budaya estetika dan amalan bangsa bukanlah suatu prioriti. Dapatan seumpama ini jika dipadankan dengan lonjakan yang besar terhadap kekerapan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan setiap usia dan latar pendidikan penutur bahasa Melayu di Singapura pastinya menimbulkan tanda tanya tentang keberdayaan bahasa dan kebudayaan Melayu di Singapura pada jangka masa panjang. Maka penting untuk kita memahami punca kepada situasi sedemikian agar dapat kita fahami

fenomena yang mana penutur masih menganggap diri mereka Melayu tetapi kurang yakin atau berminat terhadap bahasa dan kebudayaan Melayu itu sendiri apatah lagi melestarikannya.

SIMBOLISME ETNIK

Fenomena ini sebenarnya boleh dijelaskan dengan merujuk kepada konsep *ethnic symbolism* atau simbolisme etnik. Ia merujuk kepada perubahan yang berlaku terhadap kedudukan etnisiti mengikut keadaan dan keperluan yang mana ia tidak lagi dilihat sebagai identiti kelompok tetapi mula digunakan untuk kepentingan beberapa entiti (Fishman, 1977). Dalam menjelaskan konsep ini, Gan (1979) membuat hipotesis bahawa minat masyarakat generasi ketiga terhadap budaya dan pertubuhan etnik pada semua peringkat sudah mula berkurangan. Hipotesis ini merupakan suatu realiti berdasarkan konteks masyarakat Melayu di Singapura berdasarkan apa yang telah dikupas dan dibincangkan sebelum ini. Gan percaya bahawa generasi tersebut lebih berminat untuk mengekalkan identiti etnik mereka dengan merasakan bahawa mereka masih mempunyai kaitan dengan bangsa asal, misalnya orang Melayu dalam konteks perbincangan ini, sambil cuba mencari jalan yang sesuai untuk mengekspresi identiti tersebut (Gan, 1979, hal. 7). Oleh itu, di sinilah bermulanya kepentingan simbol etnik dalam masyarakat moden kerana konteks hari ini memerlukan pemaparan budaya dan pertubuhan etnik yang berbeza.

Hal ini bermakna masyarakat Melayu moden tidak lagi perlu mengikuti peranan yang diberikan sebagai anggota entiti etnik atau ditentukan oleh budaya pertubuhan kerana kini mereka mempunyai kebebasan untuk memilih peranan yang mana yang mereka rasakan sesuai dengan konteks terkini. Misalnya, mereka boleh menjadi anggota masjid, anggota pertubuhan Melayu, anggota institusi Melayu, pemimpin Melayu, pengkaji Melayu, bekerja dalam syarikat Melayu atau terlibat dalam perkara mengenai dengan Melayu, guru bahasa Melayu, ahli

politik Melayu, ataupun mempromosikan ehwal Melayu di media sosial mahupun media massa. Hakikatnya, ramai yang tidak mahu melepaskan etnisitinya tetapi kluatir akan menjejaskan prestasinya untuk mencapai kemajuan material. Oleh sebab itu, mereka masih terus menjaga identiti mereka tanpa mempraktikkan tuntutan etnisiti sepenuhnya, kecuali melaksanakan perkara yang mudah agar kelihatan masih mementingkan etnisiti. Ini mungkin dalam bentuk menggunakan bahasa Melayu sekadar yang perlu sahaja atau mempraktikkan budaya Melayu pada kadar yang termampu sahaja agar masih ada pertalian dengan budaya tersebut.

Akibatnya ada juga yang percaya bahawa tidak perlu untuk mereka memberikan komitmen sepenuhnya terhadap pengukuhan bahasa dan budaya kerana adanya unsur ketampakan etnik atau *ethnic visibility* (Gan, 1979) yakni adanya perwakilan yang ketara dengan peningkatan kelompok etnik dalam kehidupan sosial melalui pendidikan dan pekerjaan dalam aliran nasional, kenaikan jumlah para intelektual etnik yang membawa kepada kenaikan jumlah akademi dan media cetak, serta kehadiran politikus etnik daripada segi afiliasi politik. Hal ini membantu usaha pengekaln etnisiti tetapi tidak semestinya mengukuhkannya. Ia lebih bersifat impresi kerana mereka tidak semestinya memperjuangkan keperluan kelompok etnik tetapi sekadar menjadi imej etnik dalam aliran nasional. Namun demikian, ketampakan kehadiran golongan etnik pada kedudukan yang lebih baik boleh menaikkan rasa megah dalam kalangan golongannya.

Satu lagi kemungkinan ialah adanya kesedaran untuk memeluk kembali etnisiti atau *re-embracing ethnicity* (Gan, 1979) oleh ahli akademik, penulis, dan penghibur sekadar untuk kepentingan memulakan kerjayanya walaupun ada yang mempunyai pengalaman peribadi yang sebenar. Keadaan ini akan melahirkan satu suasana peningkatan etnisiti yang sementara kerana golongan tersebut mempunyai motif tertentu mempergunakan etnisiti untuk kepentingan masing-masing.

Akhir sekali ialah akibat daripada pemangsaan etnik atau *ethnic scapegoating* (Gan, 1979) yang menyebabkan seseorang itu menyembunyikan etnisitinya. Hal ini boleh disamakan dengan pelabelan atau stigma terhadap kelompok etnik berdasarkan ciri-ciri sosiosejarah yang ada pada mereka dan juga kedudukan rendah mereka dalam hubungan antara kelompok. Mereka sering dijadikan punca sesuatu masalah atau gejala walaupun tiada kaitan dengan mereka. Akibatnya ada anggota kelompok yang lemah terpaksa menyembunyikan identiti agar mereka mendapat layanan yang lebih baik. Ada individu yang sanggup meninggalkan kelompoknya serta mengubah identitinya agar dia kelihatan seperti anggota kelompok dominan. Malah, dia juga akan berusaha menjadi anggota kelompok tersebut melalui perubahan identiti, budaya, jati diri dan kepercayaan.

Jelas di sini bahawa pada zaman ini bahasa tidak semestinya melambangkan bangsa kerana desakan-desakan yang timbul boleh menyebabkan penggunaan bahasa asal seseorang itu berubah kepada bahasa asing sedangkan bangsanya tetap sama. Bangsa tidak mampu diubah tetapi perawakan seseorang itu boleh diubah agar kelihatan seperti bangsa lain. Symbolisme etnik menjadi bukti kepada gejala tersebut dengan lebih ramai yang mengakui berbangsa Melayu tetapi tidak semestinya “memeluk” kebudayaan bangsanya apatah lagi menggunakan bahasanya secara konsisten dan penuh kemegahan. Dengan peningkatan kekerapan penggunaan bahasa Inggeris di rumah ini bermakna bahawa akan tiba masanya bahasa pertama orang Melayu bukan lagi bahasa Melayu tetapi bahasa Inggeris. Jika ini berlaku bahasa Inggeris tidak boleh melambangkan bangsa Melayu. Dalam pada itu ia juga tidak boleh melambangkan bangsa Inggeris kerana penuturnya berbangsa Melayu. Demikian kompleksiti yang bakal timbul apabila bahasa tidak lagi melambangkan bangsa penuturnya.

KE ARAH MASA DEPAN BAHASA YANG TERPIMPIN

Masa depan bangsa terletak pada bahasanya sebagai wadah penatar budaya dan penyulam nilai bangsa. Masa depan ini boleh lebih terjamin sekiranya kepimpinan bahasa tidak terjebak ke dalam fahaman simbolisme etnik. Dalam konteks negara dwi bahasa seperti Singapura, satu kelebihan ialah sokongan dan dukungan kuat pemerintah terhadap bahasa ibunda termasuk bahasa Melayu dalam semua sektor seperti pendidikan, persuratan, kesenian, kebudayaan, dan warisan. Komitmen teguh pemerintah sejak zaman sebelum Singapura berpisah daripada Malaysia berkekalan sehingga hari ini dengan menyaksikan pengajian Melayu menjadi modul di tiga buah universiti tempatan dan ruang yang terbuka bagi pengajian Melayu di banyak universiti di Malaysia dan Indonesia. Malah, Singapura hari ini menyaksikan ratusan graduan pengajian Melayu dari universiti di dalam dan luar negara. Ini bermakna ruang dan peluang untuk meningkatkan ilmu dan kepakaran dalam semua aspek pengajian Melayu terbuka luas kepada masyarakat Melayu di Singapura. Selain sokongan ruang membangunkan ilmu terdapat juga sokongan dana dan pengiktirafan bagi institusi, kumpulan, dan gerakan Melayu di Singapura untuk mempraktikkan dan membangunkan khazanah dan warisan Melayunya.

Dalam konteks memanfaatkan segala kelebihan yang dimiliki masyarakat Melayu berkaitan dengan bahasa dan kebudayaannya, amat genting bagi kepimpinan bahasa menjadi bebas daripada fahaman simbolisme etnik untuk mengelakkan kegenjotan kepada usaha penerusan kepimpinan terutama sekali apabila berlaku tukar tangan kepimpinan kepada pemimpin selanjutnya. Maka fahaman terhadap kepentingan bahasa dan warisan bangsa ini perlu sering ditekankan kepada setiap kepimpinan bahasa agar timbul kesedaran akan tanggungjawab keramat yang diambil dengan menghayati setiap unsur kesantunan dalam mentadbir tanggungjawab tersebut.

Kepimpinan merupakan satu konsep yang luas dan perlu difahami dari segi sesiapa sahaja yang mengambil peranan sebagai orang yang mempunyai kuasa, tanggungjawab ataupun keterikatan kepada hal bahasa dan bangsanya. Ini boleh bermula daripada ibu bapa dalam sebuah keluarga, individu yang berilmu, karyawan, anggota gerakan atau pertubuhan sehingga ke tahap pemerintah. Namun demikian, penting disedari bahawa tanggungjawab terhadap bahasa dan kebudayaan bangsa itu bukan semata-mata di bahu pemerintah tetapi ia adalah di bahu setiap insan yang menyanggupi kedudukan dalam kepimpinan bahasa dan bangsanya.

Dengan sokongan padu pemerintah melalui komitmennya terhadap dasar dwi bahasa, lapisan selanjutnya dalam tatatingkat keberdayaan bahasa dan bangsa ialah kepemimpinan institusi, gerakan dan pertubuhan yang mempunyai kemampuan prasarana untuk meningkatkan kesedaran dan merangsang masyarakat untuk memakmurkan bahasa dan setiap unsur kebudayaan bangsanya. Lapisan ini sangat penting kerana ia menjadi suara bagi masyarakatnya dalam mengemukakan keprihatinan kepada pemerintah (Giles, Bourhis dan Taylor, 1977). Jika ia tidak ditadbir secara efektif maka ia tidak akan dapat memenuhi harapan dan aspirasi bangsanya. Akibatnya segala perancangan makro yang direncanakan pemerintah dalam mencapai kestabilan dwi bahasa akan terjejas dan tidak dapat memenuhi matlamatnya.

Akhir sekali ibu bapa mempunyai pilihan sama ada ingin anak-anaknya memeluk bahasanya ataupun sebaliknya. Berkemampuan dalam dwi bahasa akan menyebabkan satu bahasa kurang digunakan berbanding dengan bahasa yang lebih terserlah. Namun demikian, ia bukan bermakna bahasa yang kurang digunakan itu harus dikesampingkan. Sebaliknya, jika kita bijak merancang penggunaan bahasa mengikut keperluannya tentu sekali kemampuan dwi bahasa mahupun multi bahasa ini akan membentuk anak-anak yang cemerlang kerana memiliki kemampuan glokal. Anak yang didedahkan kepada kelebihan

dan kepentingan kedua-dua bahasa akan mampu memanfaatkan ilmu yang terkandung di dalam kedua-dua bahasa dalam menghadapi persaingan alam pekerjaan dan profesionalisme. Malah, kelebihan dasar dwi bahasa ini sebenarnya telah pun memberikan setiap warga Singapura kelebihan dalam daya saing apabila mereka bekerja atau merantau di merata dunia (Fang, 2022).

Dalam hal ini, anak-anak wajar didedahkan kepada kedudukan negara Singapura dalam Alam Melayu yang kaya dengan potensi sosioekonomi dan sosiobudaya yang boleh dimanfaatkan pada masa hadapan kerana potensi kawasan ini membangun sebagai sebuah gergasi ekonomi seperti mana yang berlaku pada negara China. Ilmu Melayu dalam bentuk bahasa dan kebudayaannya akan membantu anak-anak pada masa hadapan apabila mereka terlibat dengan alam pekerjaan atau pasaran Nusantara. Malah, peranan Singapura sebagai hab bahasa ibunda pastinya menjadi tumpuan kepada negara-negara barat untuk mendapatkan kepakaran daripada Singapura untuk menembusi pasaran Nusantara yang bernilai jutaan dolar. Dari segi pragmatik, kedudukan Singapura di tengah-tengah Alam Melayu memerlukan setiap warga untuk mempunyai ilmu Alam Melayu agar setiap individu dapat memanfaatkan kekayaan khazanah alam itu dari segi warisan intelektual dan hasil buminya untuk membangunkan potensi dalam diri, bangsa, dan negara. Memahami ilmu Alam Melayu pastinya lebih berkesan dalam bahasa Melayu yang dapat menjiwai hati budi Alam Melayu yang membentuk tamadunnya.

KESIMPULAN

Konsep 'bahasa jiwa bangsa' merupakan usaha ke arah menanamkan semangat bangsa dalam jiwa setiap anggota sesuatu bangsa agar dapat menghidupkan bahasanya yang digunakan untuk menghidupkan bangsa itu melalui ujaran yang dihasilkan dalam bahasa tersebut. Bahasa mampu menaikkan martabat bangsa melalui tiupan semangat daripada retorik penuturnya. Jiwa bangsa juga terukir dalam penanda identiti dan penanda etnik atau penanda kebudayaannya yang memberikan makna kepada setiap keistimewaan yang terkandung di dalam pakaian, makanan, kesenian, nilai, dan kepercayaan. Kesemua ini memerlukan bahasa dalam bangsa itu yang dapat mengujarkan dan merakamkannya demi kewujudan bangsa tersebut. Ini juga bermakna setiap bahasa pastinya mewakili bangsanya dan tidak boleh ditukar ganti kerana zat yang berbeza wujud pada setiap bangsa. Bahasa yang dipaksa pakai untuk menjelaskan kebudayaan bangsa lain akan melemahkan zat pada nilai dan kebudayaan bangsa tersebut kerana setiap bahasa mempunyai zat masing-masing yang berakar umbi daripada budaya peribumi masing-masing. Setiap bangsa mempunyai cara tersendiri untuk memahami dan menggambarkan dunia masing-masing. Setiap simbol adalah pewaris kepada nilai bangsa yang hanya mampu digambarkan dalam bahasanya.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar, 2008. *The Malays in Australia: Language, culture and religion*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, "Capital knowledge of the indigenious: An appraisal of Za'ba's thoughts on language and linguistics" dlm. *Malaysia Journal of Languages and Linguistics 1*, hlm. 1 – 14, 2012.

Awang Asbol Haji Mail, 2014. 'Pendauletan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Negara Brunei Darussalam', dlm. Dayang Hurul'Ain Nukhbah Rabaha (ed.) *Syarahan Bulan Bahasa 2012: Suatu pemikiran semula*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 37 - 45.

Awang Had Salleh (1979). *Malay secular education and teacher training in British Malaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan (2014). 'Strategi Menjayakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Negara', *Mahawangsa*, 1(1), hal. 1 – 18.

Azhar Ibrahim (2022). 'Komentari: Abdullah Munshi pemikir dan peneraju zamannya & mengapa pengabaian Bahasa Melayu ibarat menolak ilmu'. *Berita Mediacorp*, 8 September. <https://berita.mediacorp.sg/komentari/komentari-abdullah-munshi-pemikir-dan-peneraju-zamannya-mengapa-pengabaian-bahasa-melayu-ibarat-menolak-ilmu-689171>. (Diakses: 11 Disember 2022).

Coulmas, T. 1988. 'What is a national language good for?' dlm Coulmas (ed.) *With forked tongues. What are national languages good for?* Singapore: Karoma Pub. Inc, hal. 1-24.

Data.gov.sg. (2022). *Percentage of PSLE students who scored A* to C in the standard Mother Tongue Language*. https://data.gov.sg/dataset/percentage-of-psle-students-who-scored-a-c-bysubject?resource_id=9aa243d9-5f97-48e9-adbc-ecd3cd4ad06d (Diakses: 11 Desember 2022).

Davis, T. (1914). *Our National Language*. Dublin: Gaelic League.

Department of Statistics, Ministry of Trade & Industry. (2021). *Census of population 2020 statistical release 1: Demographic characteristics, education, language and religion*. Department of Statistics, Ministry of Trade & Industry, Republic of Singapore.

Editorial. (1935). 'Bangkitlah Melayu', *Majlis*, 25 Ogos, hal.7 <https://mcp.anu.edu.au/N/SK/176.html> (Diakses pada 22 Desember 2022)

Edwards, J. (1985). *Language, Society and Identity*. Oxford: Blackwell

Fang, C.S. (2022). 'Use mother tongues beyond schools, Chan Chun Sing urges'. *The Straits Times*, 21 Julai. <https://www.straitstimes.com/singapore/use-mother-tongues-beyond-schools-education-minister-urges> (Diakses: 14 Desember 2022)

Fishman, J. A., 1972. *Language in Sociocultural Change: Essays by Joshua A. Fishman* (Selected and Introduced by Anwar S. Dil). Stanford: Stanford University Press.

Fishman, J. A., 1977. 'Ethnicity and Identity', dlm. Giles, H. (ed.), *Language Ethnicity and Intergroup Relations*. London: Academic Press, hlm. 14 – 52.

Fishman, J. A. (1989). *Language and ethnicity in minority sociolinguistic perspective*. Multilingual Matters.

Gan, H. J.(1979). 'Symbolic Ethnicity: The Future of Ethnic Groups and Cultures in America', *Ethnic and Racial Studies* 2(1), hlm. 1 – 20.

Giles, H., Bourhis, R. Y. dan Taylor, D. M. (1977). 'Towards a Theory of Language in Ethnic Group Relations' dlm. Giles, H. (ed.), *Language Ethnicity and Intergroup Relations*. London: Academic Press, hlm. 307 – 48.

Goh, C. B. dan Gopinathan, S. (2008). 'The development of education in Singapore since 1965', dlm. Lee, S.K., Goh, C.B., Fredriksen, B. and Tan, J.P. (eds.) *Toward a better future: Education and training for economic development in Singapore since 1965*. Washington, DC: The World Bank, hlm.12-38.

Harimurti Kridalaksana (1976). 'Tata Cara standardisasi dan pengembangan bahasa Indonesia', dlm. Amran Halim (ed.), *Politik Bahasa Nasional 2*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, hlm. 35 – 44.

Mahmud Ahmad (1958). *Teras kebudayaan nasional*. Singapura: Qalam

Mangantar Simanjuntak, 1996. 'Pupus bahasa pupuslah bangsa, maju bahasa majulah negara', dlm Asraf (ed.) *Manifesto Budaya – Pupus Bahasa pupuslah bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, hlm. 290-344

Mathew M., Lim, L., Shanthini, S. dan Cheung, N. (2017). 'CNA-IPS Survey on Ethnic Identity in Singapore'. *IPS Working Papers*, 28 (November), hal.1-78.

Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz (2012). *Legasi Bahasa*. Singapura: Angkatan Sasterawan '50.

Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz (2014). *The Ethnolinguistic Vitality of the Malays of Singapore*. Disertasi Kedoktoran (Tidak Diterbitkan). Kuala Lumpur: University Malaya.

Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz. (2019). Peranan bahasa Melayu kolokial dalam mengimbangi kesan bilingualisme di Singapura. *Jurnal Bahasa*, 19(1), hal.1-16.

Moore, G. (ed.) (2009). *Fichte: Addresses to the German Nation* (Cambridge Texts in the History of Political Thought). Cambridge: Cambridge University Press. doi:10.1017/CBO9780511806605.001

Muhammad Ariff Ahmad (2003). *Perjalanan MAS : Memoir Muhammad Ariff Ahmad*. Singapura: Angkatan Sasterawan '50

ISSN 2972-3493



9 772972 349005

AN ONLINE
PUBLICATION BY:



CENDEKIAWAN
LESTARI
SERIES